



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## **MISI PERDAGANGAN FRANCAIS MALAYSIA KE PHNOM PENH, KEMBOJA DARI 3 – 6 DISEMBER 2023 & MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *FRANCHISE MALAYSIA IN PHNOM PENH, CAMBODIA***

**PHNOM PENH, 6 DISEMBER 2023** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengadakan satu Misi Perdagangan Francais Ke Phnom Penh, Kemboja Bagi Program *Franchise Malaysia In Phnom Penh, Cambodia* yang diadakan dari 3 hingga 6 Disember 2023.

2. Delegasi KPDN diketuai oleh **YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengeedaran dan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)**. Turut hadir bersama adalah *Deputy Chief of Mission* Malaysia ke Kemboja, Puan Nur Herzazzila binti Ghazali dan Setiausaha Agung Persatuan Francais Malaysia (MFA), Encik Deric Yeo.
3. Selain wakil daripada KPDN, delegasi ini turut disertai oleh wakil Persatuan Francais Malaysia (MFA), MATRADE dan 5 syarikat francais terkemuka tempatan seperti **Marrybrown, Q-Dees, HOME Math Therapy, Smart Reader Kids dan MyeongDong Topokki**.
4. KPDN komited untuk membawa lebih banyak produk francais tempatan yang mempunyai kelainan tersendiri untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Di peringkat global, jenama francais Malaysia juga telah berkembang sebagai jenama terkemuka di seluruh dunia, dengan lebih daripada **70 jenama di 80 buah negara**. **Misi Francais Malaysia di Phnom Penh, Kemboja merupakan platform terbaik untuk usahawan-usahawan francais tempatan mengembangkan perniagaan francais ke pasaran strategik di rantau ASEAN.**

5. Kementerian optimis bahawa syarikat-syarikat yang menyertai Misi Perdagangan ke Phnom Penh, Kemboja akan mendapat hasil bagi pulangan pelaburan kepada negara. Ia adalah selaras dengan **sasaran potensi pelaburan yang ditetapkan sebanyak RM29 juta bagi kesemua 5 syarikat yang menyertai misi perdagangan ini.**

6. Di dalam rangka program kerja misi perdagangan ini juga, **YBhg. Dato' Rohaizi bin Bahari** dijadual mengadakan kunjungan kehormat ke atas Menteri Perdagangan Kemboja dan juga Ketua Pengarah Jabatan Perdagangan, Kementerian Perdagangan Kemboja. Di antara perkara yang dibincangkan adalah perkara berkaitan kerjasama dua hala di pelbagai bidang di Kementerian masing-masing. Selain itu, delegasi Malaysia turut mengadakan beberapa program kerja seperti pertemuan dengan pihak syarikat Chip Mong Group dan lawatan ke cawangan jenama francais Malaysia yang telah menembusi pasaran Kemboja iaitu Tealive.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
PHNOM PENH, KEMBOJA, 6 DISEMBER 2023.**

**###**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

